

Teknologi

Tenang! Keadaan Tidak Seteruk Yang Disangkakan

- **WAJARAN TINGGI.** Sektor-sektor berpaksikan eksport seperti teknologi dilihat mengalami tempoh mencabar tetapi kami mengambil nafas lega apabila: i) Semikonduktor terkecuali daripada dikenakan tarif, dan tidak banyak eksport langsung bagi semikonduktor dari Malaysia ke AS; ii) Malaysia sepatutnya mendapat manfaat daripada lonjakan tempahan yang dibuat secara terburu-buru dan pemindahan kegiatan pembuatan yang tinggi ke ASEAN; iii) rantai bekalan menjadi semakin kukuh daripada fasa pertama perang perdagangan AS-China; dan iv) nilai-nilai mencecah paras terendah. Sektor ini diniagakan pada P/E CY25F kira-kira 16x (purata lima tahun: 20x) berbanding jangkaan pertumbuhan >30% YoY.
- **Semakan fakta.** Kebanyakan syarikat rantai bekalan teknologi yang tersenarai di bursa Malaysia tidak memasarkan komponen, litar bersepadu (IC), ataupun peralatan secara terus ke pasaran AS. Oleh sebab itu, mereka rata-ratanya terselamat daripada kesan tarif secara langsung. Malahan, majoriti perjanjian penghantaran dibuat berdasarkan terma-tempat lepas kilang (EXW), yang bermakna sebarang kesan-kesan yang berpotensi diterima mungkin adalah secara tidak langsung, yang berpunca daripada gangguan permintaan yang mungkin dipacu oleh kenaikan harga barangan disebabkan oleh pelaksanaan tarif. Seterusnya, impak perang perdagangan ini mungkin tidak akan menyamai tahap gangguan yang pernah dialami semasa era pandemik COVID-19. Tidak sama seperti sekatan-sekatan meluas dan penutupan separuh ekonomi dunia yang pernah menghentikan kegiatan pembuatan dan menjelaskan pendapatan dengan dahsyatnya, kesan perang perdagangan ini hanyalah melibatkan dagangan AS dengan seluruh negara lain di dunia yang merangkumi kira-kira 10-15% dagangan dunia.
- **Prospek jangka pendek.** Tempahan yang dibuat secara terburu-buru (disebabkan oleh tempoh penangguhan 90 hari pada pelaksanaan tarif timbal balas) dan pemindahan tempahan semula akan memberikan manfaat kepada negara yang mempunyai keupayaan yang lebih. Jumlah kuantiti eksport mungkin jatuh untuk barangan yang dibuat di China tetapi permintaan cip dari seluruh dunia mungkin tidak akan menerima tempas teruk. Walaupun begitu, kami menjangkakan peralihan jumlah tempahan lebih besar ke tempat lain seperti rantau ASEAN.
- **Prospek jangka sederhana.** Permintaan dilihat dalam keadaan tidak menentu dalam jangka sederhana apabila dasar perdagangan luar AS terus berubah-ubah. Hal ini sepatutnya menghalang sebarang peruntukan capex besar dan pelan pemindahan semula pembuatan daripada berlaku, yang seterusnya berpotensi menjejaskan permintaan peralatan dan mengakibatkan lambakan inventori yang melampau.
- **Pandangan jangka panjang.** Perang tarif ini memberikan kesan positif buat Malaysia kerana ia merupakan destinasi yang menarik (dari segi ekosistem, sumber bakat, prasarana), malah ia mungkin dikenakan tarif lebih rendah daripada negara-negara pesaing lain. Sekiranya kegiatan penempatan semula ke pasaran AS meningkat, kami tidak menjangkakan jumlah pengeluaran cip yang besar akan dibawa ke luar Malaysia kerana kegiatan pengilangan yang bernilai rendah memakan belanja yang tinggi untuk cip dihasilkan di AS.
- **Semakan awal.** Walaupun gangguan permintaan dilihat minimum pada peringkat ini (seperti yang dibayangkan kebanyakan syarikat) dan impak sepenuhnya sukar ditentukan, kami mengambil langkah pencegahan dengan merendahkan hasil dan perolehan FY25-26F sektor sebanyak 3-15% setelah mempertimbangan faktor-faktor tidak menentu sekarang. Walaupun semakan dibuat, kami tetap memandang baik akan prospek sektor dengan mengenal pasti potensi kenaikan ketara dalam membina pegangan dalam saham-saham yang mempunyai asas kewangan kukuh dengan profil risiko ganjaran menarik. Saham Pilihan Utama kami disenarai di jadual sebelah kanan atas halaman ini.
- **Risiko negatif:** Kegusaran tarif memperlahankan permintaan akhir, tempahan lebih perlahan daripada ramalan, keusangan teknologi, dan pergerakan FX merugikan.

Company Name	Rating	Target (MYR)	% Upside (Downside)	P/E (x) Dec-25F	P/B (x) Dec-25F	ROAE (%) Dec-25F	Yield (%) Dec-25F
Coraza Integrated Technology	Buy	0.67	56.4	12.3	1.4	12.5	-
CTOS Digital	Buy	1.49	33.2	21.3	3.9	18.0	3.3
Globetronics Technology	Neutral	0.40	(14.0)	21.7	0.9	4.4	0.6
Inari Amertron	Buy	2.45	34.4	23.4	2.4	10.2	3.6
JHM Consolidation	Neutral	0.43	18.3	14.4	0.7	5.1	-
Malaysian Pacific Industries	Buy	29.70	89.9	16.1	1.5	9.4	3.3
NexG	Buy	0.50	83.0	12.7	2.9	23.1	6.3
Pentamaster Corp	Buy	4.17	84.6	18.2	2.0	11.4	1.8
Unisem (M)	Buy	3.04	58.9	25.2	1.4	5.4	4.0

Sumber: Data syarikat, RHB

Wajaran Tinggi (Kekal)

Saham Dikaji 9
Penarafan (Beli/Neutral/Jual): 7 / 2 / 0
Trend Semakan Perolehan 12b Lalu: Negatif

Pilihan Utama

Malaysian Pacific Industries (MPI MK) – BELI
Unisem (M) – BELI
CTOS Digital (CTOS MK) – BELI
Coraza Integrated Technology (CORAZA MK) – BELI

Harga Sasar

MYR29.70
MYR3.04
MYR1.49
MYR0.67

Penganalisis


Lee Meng Horng
+603 2302 8115
lee.meng.horng@rhbgroup.com



Miza Izaimi
+603 2302 8121
miza.izaimi@rhbgroup.com



Perbandingan antara KLTEC, NASDAQ dan SOX (prestasi dari awal tahun hingga kini)



Sumber: Data syarikat, RHB

*Nota: Laporan terjemahan Bahasa Malaysia ini merupakan versi ringkas bagi laporan asal dalam bahasa Inggeris dan diguna pakai untuk menyampaikan maklumat sahaja. Penerima dinasihatkan untuk merujuk laporan asal dalam bahasa Inggeris untuk butiran lanjut, dan untuk penafian penyelidikan dan pendedahan rasmi. Walaupun laporan terjemahan Bahasa Malaysia disediakan, laporan asal dalam bahasa Inggeris hendaklah diberi keutamaan sekiranya berlaku sebarang persoalan tentang pentafsiran, percanggahan ataupun dalam hal yang lain.

Pautan kepada laporan bahasa Inggeris:

[Technology : Be Cool! Not All Is Doom And Gloom \(24 Apr 2025\)](#)

Rajah 1: Lingkungan P/E hadapan untuk KLTEC




Sumber: Bloomberg, RHB.

Rajah 2: Nilai pasaran semikonduktor dunia mengikut rantau

Fall 2024	Amounts in US\$M			Year on Year Growth in %		
	2023	2024	2025	2023	2024	2025
Americas	134,377	186,635	215,309	-4.8	38.9	15.4
Europe	55,763	52,031	53,736	3.5	-6.7	3.3
Japan	46,751	47,410	51,866	-2.9	1.4	9.4
Asia Pacific	289,994	340,792	376,273	-12.4	17.5	10.4
Total World - \$M	526,885	626,869	697,184	-8.2	19.0	11.2
Discrete Semiconductors	35,530	31,546	33,377	4.5	-11.2	5.8
Optoelectronics	43,184	42,092	43,705	-1.6	-2.5	3.8
Sensors	19,730	18,732	20,034	-9.4	-5.1	7.0
Integrated Circuits	428,442	534,499	600,069	-9.7	24.8	12.3
Analog	81,225	79,433	83,157	-8.7	-2.2	4.7
Micro	76,340	79,291	83,723	-3.5	3.9	5.6
Logic	178,589	208,723	243,782	1.1	16.9	16.8
Memory	92,288	167,053	189,407	-28.9	81.0	13.4
Total Products - \$M	526,885	626,869	697,184	-8.2	19.0	11.2


Sumber: World Semiconductor Trade Statistics

Rajah 3: Penghantaran telefon pintar bagi setiap suku (j unit)



Sumber: IDC

Rajah 4: Indeks WSTS dan SOX mendahului KLTEC



Sumber: Bloomberg, RHB.

Rajah 5: P/E hadapan untuk KLTEC (dalam lima tahun)



Sumber: Bloomberg, RHB

Rajah 6: Perbandingan sesama syarikat pesaing

	Ticker	Last price (MYR)	Mkt cap (USDm)	P/E (x)		EPS growth (%)		P/BV (x)		ROE (%)	DY (%)
				FY24F	FY25F	FY24F	FY25F	FY24F	FY25F	FY24F	FY24F
Coraza Integrated Technology	CORAZA MK	0.43	44	82.7	13.3	-183.5	524.8	1.4	1.3	1.8	0.0
CTOS Digital	CTOS MK	1.12	590	21.3	18.5	13.0	15.2	4.2	3.9	0.2	3.3
NexG*	DSO MK	0.36	227	11.7	13.0	8.4	-10.3	3.1	2.8	26.0	6.9
Globetronics	GTB MK	0.47	67	15.5	22.6	-19.1	-31.4	0.9	0.9	6.3	1.3
Inari Amertron**	INRI MK	1.82	1,477	25.7	21.7	-13.8	18.9	2.1	2.0	9.5	3.3
JHM Consolidation	JHMC MK	0.36	48	14.4	10.3	-150.8	40.3	0.7	0.7	5.1	0.0
Malaysian Pacific Industries**	MPI MK	15.64	675	19.9	13.5	-9.5	47.3	1.5	1.4	7.8	2.9
Pentamaster Corporation	PENT MK	2.26	342	18.2	15.6	35.4	16.7	2.0	1.8	11.4	0.0
Unisem (M)	UNI MK	1.91	677	25.2	15.6	126.9	61.7	1.4	1.3	5.4	4.0
Sector average (simple average)				26.1	16.0	-21.5	75.9	1.9	1.8	8.2	2.4

Nota: *FYE (Mac) merujuk pada FY25F. **FYE (Jun) merujuk pada FY25F

Sumber: Bloomberg

24 April 2025

Teknologi | Semikonduktor

Inari Amertron (INRI MK)

Beli (daripada Neutral)

Aspek Tempahan Terkawal; Naik Taraf Kepada BELI

Harga Sasar (Pulangan):	MYR2.45 (+35%)
Harga (Modal Pasaran):	MYR1.82 (USD1,572j)
Markah ESG :	3.1 (daripada 4)
Pusing Ganti Harian Purata (MYR/USD)	42.1j/9.46j

- Saranan dinaik taraf kepada BELI daripada NEUTRAL, harga sasar (TP) jatuh kepada MYR2.45 daripada MYR2.75, potensi harga saham kenaikan 35% dengan kadar hasil dividen kira-kira 4% untuk FY26 (Jun).** Kami berpendapat saham ini dijual secara berlebihan walaupun ketidakpastian daripada perang dagang AS-China hanyalah sementara. Dengan faktor-faktor tempahan terkawal, kenaikan mendadak tempahan dalam jangka pendek dan penempatan semula kegiatan pembuatan lebih besar ke luar China, Inari Amertron bakal mendapat manfaat dalam jangka sederhana hingga lebih panjang, sementara kegiatan penempatan semula untuk pelanggannya yang bertapak di AS mungkin tidak akan berlaku dalam masa terdekat. Nilai semasanya yang berada bawah paras purata menawarkan peluang untuk membeli saham pemain OSAT terkenal ini.
- Tempoh lega sementara walaupun keadaan tetap tidak menentu.** Tempoh penangguhan sementara tarif yang dikenakan atau dinaikkan pada pelbagai semikonduktor dan barangan elektrik memberi kelegaan besar buat sektor ini dalam mengelakkan kejutan permintaan dalam masa terdekat. Namun begitu, pelaksanaan tarif berasingan pada cip mungkin akan dibuat bagi mengurangkan kebergantungan AS pada China. Akan tetapi, penarikan dasar atau tarif baharu dari kedua-dua AS dan China mungkin akan mengundang semula ketidakpastian dalam pasaran.
- Faktor-faktor positif.** Ekosistem matang di Malaysia (prasarana maju, buruh mahir, kos berdaya saing, dan dasar-dasar memihak kepada pelaburan) menjadikan ia penerima manfaat utama daripada penempatan semula kegiatan pembuatan yang rancak ke rantau ASEAN dan strategi China Plus One dalam jangka lebih panjang. Kami lega apabila rantai nilai bagi syarikat multinasional AS dalam keadaan kukuh di Malaysia, dan sesetengah syarikat ini akan terus dikecualikan daripada tarif tertentu dan bernasib lebih baik daripada syarikat di negara-negara lain yang dikenakan kadar tarif timbal balas awal yang jauh lebih tinggi.
- Faktor tempahan.** Kami menjangkakan tempahan akan menstabil YoY dengan ia diramalkan menaik dalam masa terdekat susulan tempahan cemas sekiranya permintaan terpendam wujud semasa tempoh pengecualian tarif sekarang. Segmen optoelektronik INRI dan juga segmen produk memorinya patut mencatat perolehan lebih tinggi tetapi sumbangan lebih ketara hanya dapat diterima pada FY26. Mengenai Yiwu JV, kami meramalkan kenaikan tempahan yang perlahan kerana persaingan sengit dalam pasaran OSAT China.
- Langkah pencegahan melalui potongan.** Walaupun pendedahan INRI kepada AS adalah 2.9% berdasarkan laporan tahunan FY24-nya, impak ini (jika ada) akan menjadi lebih tinggi (20-25% hasil) berikutan gangguan permintaan (harga barangan lebih mahal, sentimen lebih buruk) jika perang dagang ini berlarutan. Rata-rata litar bersepadunya tidak dieksport secara langsung ke AS, maka produk ini mungkin tidak dikenakan tarif langsung. Namun begitu, kami mengambil langkah berjaga-jaga dengan merendahkan ramalan untung bersih FY25-26 sebanyak 8% dan 13% ekoran pertumbuhan pendapatan kasar lebih perlahan, dan menurunkan andaian pada Yiwu JV selepas mengambil kira potensi permintaan yang semakin perlahan.
- Walaupun anggaran perolehan dipotong,** kami jangka TP akan menaik dengan ketaranya. Oleh itu, saham ini dinaik taraf kepada BELI kerana pelabur patut tidak menghiraukan kekangan jangka pendek dan beralih kepada sektor ini untuk pemulihan kitaran. TP kami jatuh kepada MYR2.45 daripada MYR2.75 selepas semakin ramalan, dan ditambah pada P/E 31x (+1SD daripada purata 5 tahunnya) dengan premium ESG 2% kerana markah ESG 3.0 INRI melepasi paras median negara.


Penganalisis

Lee Meng Horng
+603 2302 8115
lee.meng.horng@rhbgroup.com



Prestasi Saham (%)

	YTD	1b	3b	6b	12b
Mutlak	(40.5)	(9.5)	(30.5)	(36.4)	(40.3)
Relatif	(31.0)	(8.2)	(24.7)	(26.9)	(35.5)
Harga rendah/tinggi (MYR) 52 minggu				1.45	4.00



Sumber: Bloomberg

*Nota: Laporan terjemahan Bahasa Malaysia ini merupakan versi ringkas bagi laporan asal dalam bahasa Inggeris dan diguna pakai untuk menyampaikan maklumat sahaja. Penerima dinasihatkan untuk merujuk laporan asal dalam bahasa Inggeris untuk butiran lanjut, dan untuk penafian penyelidikan dan pendedahan rasmi. Walaupun laporan terjemahan Bahasa Malaysia disediakan, laporan asal dalam bahasa Inggeris hendaklah diberi keutamaan sekiranya berlaku sebarang persoalan tentang pentafsiran, percanggahan ataupun dalam hal yang lain.

Pautan kepada laporan bahasa Inggeris:

[Inari Amertron : Stable Loading Factors: Upgrade To BUY \(24 Apr 2025\)](#)

Markah ESG Keseluruhan: 3.1 (daripada 4)

Markah E: 3.0 (BAIK)
Markah S: 3.3 (CEMERLANG)
Markah G: 3.0 (BAIK)

Sila rujuk analisis ESG ini pada halaman berikutnya

Forecasts and Valuation	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
Total turnover (MYRm)	1,354	1,479	1,432	1,516	1,689
Recurring net profit (MYRm)	320	306	267	313	352
Recurring net profit growth (%)	(17.3)	(4.4)	(12.9)	17.5	12.3
Recurring P/E (x)	21.19	22.18	25.45	21.65	19.28
P/B (x)	2.6	2.4	2.4	2.4	2.3
P/CF (x)	26.52	13.16	22.96	17.92	16.28
Dividend Yield (%)	4.0	3.8	3.3	3.9	4.4
EV/EBITDA (x)	13.97	15.16	13.76	11.31	10.23
Return on average equity (%)	11.4	10.0	9.5	11.0	12.1
Net debt to equity (%)	net cash	net cash	net cash	net cash	net cash

Sumber: Data syarikat, RHB

Pelepasan Gas Rumah Hijau Dan ESG

Analisis trend	Emissions (tCO2e)	Jun-22	Jun-23	Jun-24	Jun-25
Berbanding dengan FY23, INRI mencatat kenaikan dalam pelepasan gas rumah hijau (GRH) tahun lalu, berikutan kegiatan NPI semakin tinggi daripada pelanggan baharu dan yang sedia ada. Namun begitu, keamatan pelepasan GRH menurun dalam tempoh lima tahun lalu. Penggunaan tenaga hijau sudah menyebabkan pelepasan GRH menurun dengan ketaranya sebanyak 1.4 ribu tCO2e pada FY24.	Scope 1	525	314	339	-
	Scope 2	78,803	80,286	87,030	-
	Scope 3	-	-	-	-
	Total emissions	79,328	80,600	87,369	na
	Sumber: Data syarikat, RHB				

Perkembangan Terkini Mengenai ESG

INRI memenangi anugerah Perak dalam The Edge ESG Awards (Sektor Teknologi) dan merupakan ahli Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia. Pencapaian-pencapaian ini meletakkan ia dalam kalangan syarikat yang mempunyai amalan ESG yang baik, dan ia mematuhi pendedahan amalan terbaik. Ia bertujuan mengurangkan pelepasan Skop 1 dan 2 sebanyak 3% dan 2%. Ia juga menyokong pembangunan hijau supaya selari dengan sasaran Tadbir Urus Iklim Malaysia untuk mengurangkan pemanasan sejagat dan mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Syarikat ini sudah menetapkan tindakan menyeluruh untuk mencapai sasaran penurunan GRH-nya dalam jangka masa yang telah ditentukan. Langkah-langkah ini secara jelasnya adalah untuk mengatasi isu-isu utama yang timbul daripada sumber pelepasan GRH, termasuk pelepasan Skop 3 sekiranya relevan. Ia juga membangunkan sebuah kaedah untuk mengumpul data mengenai pelepasan Skop 3.

Perincian Penilaian ESG

Markah ESG Keseluruhan: 3.1 (daripada 4)

Terakhir dikemas kini: 20 Feb 2025

Markah E: 3.0 (BAIK)

INRI menyokong usaha pembangunan hijau supaya selari dengan sasaran Tadbir Urus Iklim Malaysia bagi mengurangkan pemanasan sejagat dan mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 20250 dengan melaksanakan projek cekap tenaga untuk mengurangkan pelepasan GRH-nya dan meningkatkan tahap pengurusan air dan sisa. Kumpulan ini tersenarai dalam sokongan Pasukan Petugas Khas Mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) dan mematuhi piawaian, garis panduan dan kerangka kerja yang ditetapkan oleh Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) dan Inisiatif Pelaporan Dunia (GRI).


Markah S: 3.3 (CEMERLANG)

INRI mematuhi semua undang-undang buruh di negara-negara operasinya. Dari segi kesihatan dan keselamatan pekerja, syarikat ini melaksanakan dasar pekerjaan yang selamat dan sihat demi memastikan pekerjaanya terhindar daripada sebarang risiko pekerjaan. Usaha yang berterusan yang diambil menyumbang pada kesejahteraan dan taraf hidup sihat masyarakat setempat.

Markah G: 3.0 (BAIK)

INRI bertekad menjunjung prinsip dan amalan terbaik tadbir urus syarikat yang ditetapkan dalam Keperluan-Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Ia mewujudkan dasar dan prosedur dasar pemberi maklumat bagi menggalakkan tahap tata kelakuan etika yang tinggi, dan menyediakan saluran yang sesuai untuk menyediakan maklumat. Namun begitu, kami ambil maklum bahawa bilangan pengarah bebas merangkumi kurang separuh daripada bilangan anggota Lembaga dan ia masih belum mencapai sasaran 30% komposisi pengarah wanita.

Penarafan ESG




Sumber: RHB

Jadual Kewangan

Asia	Financial summary (MYR)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
Malaysia	Recurring EPS	0.09	0.08	0.07	0.08	0.09
Teknologi	DPS	0.07	0.07	0.06	0.07	0.08
Inari Amertron	BVPS	0.70	0.75	0.76	0.77	0.79
INRI MK	Return on average equity (%)	11.4	10.0	9.5	11.0	12.1
Beli						
Asas penilaian	Valuation metrics	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
P/E sasaran 31x	Recurring P/E (x)	21.19	22.18	25.45	21.65	19.28
	P/B (x)	2.6	2.4	2.4	2.4	2.3
	FCF Yield (%)	2.1	4.9	0.7	3.4	3.9
Faktor pemacu utama	Dividend Yield (%)	4.0	3.8	3.3	3.9	4.4
i. Kemenangan kontrak baharu;	EV/EBITDA (x)	13.97	15.16	13.76	11.31	10.23
ii. Pesanan lebih tinggi.	EV/EBIT (x)	19.98	24.46	22.59	17.00	14.71
Risiko utama	Income statement (MYRm)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
i. Pesanan telefon pintar 5G lebih rendah daripada yang dijangka;	Total turnover	1,354	1,479	1,432	1,516	1,689
ii. Kontrak tidak diperbaharui;	Gross profit	325	324	344	364	405
iii. Hasil pengeluaran rendah;	EBITDA	355	324	365	442	486
iv. Kadar pertukaran asing (FX) yang merugikan.	Depreciation and amortisation	(107)	(123)	(142)	(148)	(148)
	Operating profit	248	201	222	294	338
	Net interest	(2)	(2)	0	0	0
	Pre-tax profit	324	280	293	359	404
	Taxation	(31)	(10)	(26)	(40)	(44)
	Reported net profit	291	270	267	313	352
	Recurring net profit	320	306	267	313	352
Profil Syarikat	Cash flow (MYRm)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
Inari Amertron ialah OSAT terbesar di Malaysia. Ia mempunyai kemudahan pembuatan di Malaysia, China dan Filipina. Syarikat ini menyediakan pembungkusan semikonduktor, pemasangan dan pengujian frekuensi radio (RF) dan produk-produk optoelektronik.	Change in working capital	(148)	123	(43)	(24)	(24)
	Cash flow from operations	256	516	296	379	417
	Capex	(113)	(181)	(250)	(150)	(150)
	Cash flow from investing activities	(86)	(192)	(179)	(85)	(84)
	Dividends paid	(347)	(293)	(227)	(266)	(299)
	Cash flow from financing activities	(301)	(189)	(227)	(266)	(299)
	Cash at beginning of period	1,971	1,831	2,261	2,151	2,178
	Net change in cash	(130)	134	(110)	28	34
	Ending balance cash	1,857	1,961	2,151	2,178	2,212
	Balance sheet (MYRm)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
	Total cash and equivalents	1,831	2,261	2,151	2,178	2,212
	Tangible fixed assets	509	779	887	889	891
	Total assets	2,967	3,554	3,544	3,598	3,686
	Total liabilities	361	380	329	331	358
	Total equity	2,606	3,174	3,214	3,267	3,328
	Total liabilities & equity	2,967	3,554	3,544	3,598	3,686
	Key metrics	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
	Revenue growth (%)	(12.5)	9.2	(3.1)	5.8	11.4
	Recurrent EPS growth (%)	(17.3)	(4.4)	(12.9)	17.5	12.3
	Gross margin (%)	24.0	21.9	24.0	24.0	24.0
	Operating EBITDA margin (%)	26.2	21.9	25.5	29.1	28.8
	Net profit margin (%)	21.5	18.3	18.6	20.7	20.8
	Dividend payout ratio (%)	93.4	96.3	85.0	85.0	85.0
	Capex/sales (%)	8.3	12.2	17.5	9.9	8.9
	Interest cover (x)	139	103			

Sumber: Data syarikat, RHB

Carta Saranan



Sumber: RHB, Bloomberg

Date	Recommendation	Target Price	Price
2025-02-21	Neutral	2.75	2.35
2024-11-28	Neutral	3.06	2.85
2024-10-09	Neutral	3.06	2.86
2024-08-28	Neutral	3.60	3.10
2024-07-04	Neutral	3.60	3.83
2024-05-24	Buy	3.60	3.44
2024-02-27	Buy	3.58	3.14
2023-11-24	Buy	3.62	2.88
2023-11-23	Buy	3.62	2.90
2023-08-30	Buy	3.62	3.15
2023-08-03	Buy	3.62	3.09
2023-05-26	Neutral	2.31	2.47
2022-11-21	Neutral	2.60	2.58
2022-10-12	Neutral	2.78	2.37
2022-08-22	Buy	3.54	2.70

Sumber: RHB, Bloomberg

24 April 2025

Teknologi | Semikonduktor

Malaysian Pacific Industries (MPI MK)**Beli** (Kekal)**Peluang Muncul Di Sebalik Ketidaktentuan; Kekal BELI**

Harga Sasar (Pulangan): MYR29.70 (+90%)
 Harga (Modal Pasaran): MYR15.60 (USD711j)
 Markah ESG : 3.1 (daripada 4)
 Pusing Ganti Harian Purata (MYR/USD) 4.52j/1.02j


- **BELI**, harga sasar (TP) baharu mencecah MYR29.70 daripada MYR33.20, harga saham berpotensi menaik 90% dan kadar hasil dividen sekitar 3%. Kami berpendapat saham ini dijual secara berlebihan meskipun adanya ketidaktentuan dalam jangka pendek. Dengan potensi lonjakan pesanan dalam jangka dekat dan pemindahan rantai bekalan lebih rancak daripada kegiatan perdagangan, Malaysian Pacific Industries berpeluang menerima manfaat dan bertahan dalam keadaan perang perdagangan yang sedang berlaku. Hal ini disebabkan oleh kelompok pelanggannya yang pelbagai, tawaran nilai, dan pengetahuan tentang proses dalam keadaan persaingan tinggi. Penilaiannya pada tahap terendah sekarang iaitu P/E bawah 20x memberi peluang hebat buat para pelabur dari segi risiko-ganjaran.
- **Kelegaan sementara, ketidakpastian masih ada.** Penangguhan sementara pelaksanaan tarif terhadap pelbagai barangan semikonduktor dan elektronik memberi kelegaan besar untuk sektor ini bagi mengelakkan kejutan dari segi permintaan dalam jangka terdekat. Namun begitu, tarif berasingan yang dikenakan pada cip mungkin akan dilaksanakan supaya AS dapat mengurangkan kebergantungannya pada China. Penarikan dasar atau tarif baharu dari kedua-dua pihak AS dan China mungkin memburukkan lagi ketidakpastian berkenaan situasi ini.
- **Perkara positif.** Ekosistem Malaysia yang sudah kukuh, dengan prasarana maju, buruh mahir, kos yang rendah dan dasar-dasar yang menyokong pelaburan, menjadikannya penerima manfaat besar daripada usaha giat untuk memindahkan rantai bekalan bagi kegiatan pembuatan ke ASEAN dan strategi China Plus One dalam jangka lebih panjang. Kami lega dengan rantai bekalan syarikat-syarikat multinasional AS yang kukuh bertapak di Malaysia. Beberapa antaranya akan terus menerima pengecualian tertentu dan nasibnya mungkin lebih baik berbanding rantai bekalan di negara pesaing yang dikenakan tarif timbal balik asal yang jauh lebih tinggi.
- **Capex dan bilangan tenaga kerja.** Bilangan pekerja MPI sudah mencapai tahap tertinggi dan telah meningkat dalam dua suku tahun lalu sehingga mencapai 7.2 ribu orang. Dari segi capex, ia telah melabur dalam teknologi dan meningkatkan kecekapan dan automasinya. Dengan itu, kos sudah mencecah MYR541j sepanjang dua tahun lalu meskipun industri sedang memperlakan. Tekadnya untuk terus melabur dalam teknologi dan menambah baik kecekapan pengeluaran mengukuhkan keyakinan pihak pengurusan mengenai pertumbuhan perniagaan.
- **Potongan awal.** Pendedahan MPI pada AS adalah sebanyak 20% berdasarkan penyata FY24-nya. Walaupun begitu, kami difahamkan kebanyakan litar bersepadu keluarannya tidak dieksport terus ke AS, dan mungkin tidak dikenakan tarif langsung, jika ada. Impaknya mungkin dilihat dalam gangguan permintaan (harga barangan lebih mahal, sentimen pembeli lebih lemah) sekiranya perang perdagangan berlarutan. Memandangkan ketidakpastian timbul daripada perang perdagangan yang sedang berlaku, kami membuat potongan awal pada perolehan FY25-27F MPI sebanyak 13%, 8% dan 6% berikutan andaian pertumbuhan pendapatan kasar lebih rendah, selepas mengambil kira kemungkinan permintaan akhir akan memperlakan.
- **Munculnya nilai.** Walaupun ramalan kami dipotong, kami menjangkakan potensi kenaikan besar untuk TP kami. Oleh itu, pelabur patut mengetepikan gangguan jangka pendek dan mengambil kedudukan dalam sektor bagi menghadapi pemulihan kitaran ekonomi, dan memilih syarikat kukuh yang dijangka akan memanfaatkan fasa menaik tersebut. TP kami jatuh kepada MYR29.70 daripada MYR33.20 selepas anggaran perolehan disemak, sekali gus mencerminkan P/E CY25F 30x (+1.5SD daripada purata lima tahun), termasuk premium ESG 2%.
- **Risiko negatif:** Kebimbangan tarif menyebabkan permintaan memperlakan, pesanan lebih lemah daripada dijangka, keusangan teknologi, dan pergerakan FX merugikan.

Penganalisis

Lee Meng Horng
 +603 2302 8115
lee.meng.horng@rhbgroup.com

**Prestasi Saham (%)**

	YTD	1b	3b	6b	12b
Mutlak	(39.6)	(13.1)	(33.2)	(41.2)	(47.8)
Relatif	(30.1)	(11.8)	(27.4)	(31.7)	(43.0)
Harga rendah/tinggi (MYR) 52 minggu	20.7 - 41.0				



Sumber: Bloomberg

*Nota: Laporan terjemahan Bahasa Malaysia ini merupakan versi ringkas bagi laporan asal dalam bahasa Inggeris dan diguna pakai untuk menyampaikan maklumat sahaja. Penerima dinasihatkan untuk merujuk laporan asal dalam bahasa Inggeris untuk butiran lanjut, dan untuk penafian penyelidikan dan pendedahan rasmi. Walaupun laporan terjemahan Bahasa Malaysia disediakan, laporan asal dalam bahasa Inggeris hendaklah diberi keutamaan sekiranya berlaku sebarang persoalan tentang pentafsiran, percanggahan ataupun dalam hal yang lain.

Pautan kepada laporan bahasa Inggeris:

[Malaysian Pacific Industries : Opportunity Rises In Uncertain Times: Stay BUY \(24 Apr 2025\)](#)

Markah ESG Keseluruhan: 3.1 (daripada 4)**Markah E: 3.0 (BAIK)****Markah S: 3.0 (BAIK)****Markah G: 3.3 (CERLANG)**

Silalah rujuk analisis ESG pada halaman berikutnya

Forecasts and Valuation	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
Total turnover (MYRm)	2,045	2,095	2,119	2,335	2,454
Recurring net profit (MYRm)	125	182	165	243	272
Recurring net profit growth (%)	(64.3)	45.7	(9.4)	47.3	11.9
Recurring P/E (x)	26.28	18.04	19.92	13.53	12.08
P/B (x)	1.6	1.6	1.5	1.4	1.3
P/CF (x)	8.50	5.38	13.46	5.51	4.92
Dividend Yield (%)	2.2	2.7	3.0	3.6	3.6
EV/EBITDA (x)	6.49	4.94	5.45	4.10	3.45
Return on average equity (%)	3.1	11.8	7.8	10.9	11.5
Net debt to equity (%)	net cash	net cash	net cash	net cash	net cash

Sumber: Data syarikat, RHB

Pelepasan Gas Rumah Hijau Dan ESG

Analisis trend	Emissions (tCO2e)	Jun-22	Jun-23	Jun-24	Jun-25
Pelepasan gas rumah hijau (GRH) oleh MPI meningkat hampir 10% pada FY24, disebabkan oleh kenaikan penggunaan tenaga. Pada FY24, pelepasan Skop 2 merangkumi 99.6% daripada jumlah pelepasan GRH. Dalam Skop 2, pelepasan berkaitan penggunaan elektrik merangkumi hampir 98% pada FY24.	Scope 1	0	0	1	-
	Scope 2	191	180	198	-
	Scope 3	-	-	-	-
	Total emissions	191	180	199	na
	Sumber: Data syarikat, RHB				

Perkembangan Terkini Mengenai ESG

MPI merangkul anugerah ESG “Emas” dalam kategori Teknologi di majlis The Edge Malaysia ESG Awards. MPI merupakan ahli komponen dalam indeks FTSE4Good Bursa Malaysia. Dalam penilaian terkini FTSE, MPI mendapat penarafan tinggi dari aspek perubahan iklim dalam penilaian tahunan FTSE. Pencapaian ini disumbang oleh usaha penambahbaikan proses & pendedahan kami yang berterusan, selari dengan amalan-amalan kelestarian yang terbaik. Ia menetapkan sasaran pengurangan 5% dalam purata bergerak tiga tahun.

Perincian Penilaian ESG

Markah ESG Keseluruhan: 3.1 (daripada 4)

Terakhir dikemas kini: 20 Februari 2025

Markah E: 3.0 (BAIK)

MPI berjaya mengurangkan penggunaan tenaganya sepanjang tahun-tahun kebelakangan ini, sekali gus mencerminkan komitmennya untuk menambah baik kecekapan tenaga. Usaha-usaha masih dijalankan untuk melabur dalam kegiatan pengurangan tenaga. Program pemuliharaan air dan pengurusan sisa buangan berbahaya juga dilaksanakan di kilang-kilang.


Markah S: 3.0 (BAIK)

Keselamatan kakitangan dan tempat kerja kekal menjadi keutamaan teratas bagi kumpulan ini. Latihan disediakan kepada pekerja untuk mendapatkan pengetahuan yang perlu untuk mengurus bahan kimia di tempat kerja dengan selamatnya.

Markah G: 3.3 (BAIK)

MPI melaksana dan menerapkan kebanyakan amalan terbaik yang ditetapkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kebanyakan ahli lembaga pengarah adalah bebas manakala pengarah wanita merangkumi 33% daripada lembaga pengarah.

Penarafan ESG




Sumber: RHB

Jadual Kewangan

Asia	Financial summary (MYR)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
Malaysia	Recurring EPS	0.60	0.87	0.79	1.16	1.29
Teknologi	DPS	0.35	0.42	0.47	0.56	0.57
Malaysian Pacific Industries	BVPS	9.60	9.96	10.28	10.87	11.60
MPI MK	Return on average equity (%)	3.1	11.8	7.8	10.9	11.5
Beli						
Asas penilaian	Valuation metrics	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
P/E 30x untuk FY25	Recurring P/E (x)	26.28	18.04	19.92	13.53	12.08
	P/B (x)	1.6	1.6	1.5	1.4	1.3
	FCF Yield (%)	4.1	11.7	(3.2)	10.5	12.7
	Dividend Yield (%)	2.2	2.7	3.0	3.6	3.6
	EV/EBITDA (x)	6.49	4.94	5.45	4.10	3.45
	EV/EBIT (x)	28.25	12.74	15.61	9.29	7.33
Faktor pemacu utama	Income statement (MYRm)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
i. Kemenangan kontrak baharu;	Total turnover	2,045	2,095	2,119	2,335	2,454
ii. Jumlah pesanan lebih tinggi;	Gross profit	232	333	315	425	473
iii. Nilai mata wang MYR lebih rendah berbanding USD.	EBITDA	429	530	524	652	704
	Depreciation and amortisation	(330)	(324)	(341)	(364)	(373)
	Operating profit	99	205	183	288	331
	Net interest	17	30	28	26	21
	Pre-tax profit	124	331	218	321	359
	Taxation	(16)	(21)	(22)	(32)	(36)
	Reported net profit	61	241	165	243	272
	Recurring net profit	125	182	165	243	272
Risiko utama	Cash flow (MYRm)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
i. Pesanan lebih perlahan daripada jangkaan;	Change in working capital	(77)	(11)	(293)	(58)	(28)
ii. Kehilangan pelanggan utama;	Cash flow from operations	386	610	244	596	668
iii. Pergerakan FX merugikan;	Capex	(252)	(226)	(350)	(250)	(250)
iv. Penggunaan teknologi yang lapuk.	Cash flow from investing activities	(251)	(224)	(350)	(250)	(250)
	Dividends paid	(106)	(104)	(99)	(118)	(120)
	Cash flow from financing activities	(47)	(271)	(99)	(118)	(120)
	Cash at beginning of period	965	1,053	1,093	889	1,117
	Net change in cash	89	115	(205)	228	298
	Ending balance cash	1,053	1,170	889	1,117	1,415
Profil Syarikat	Balance sheet (MYRm)	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
Malaysian Pacific Industries membuat, memasang, menguji dan memasarkan litar bersepadu, peranti semikonduktor, komponen elektronik dan bingkai plumbum (lead frame) kepada para pelanggan di serata dunia.	Total cash and equivalents	1,053	1,093	889	1,117	1,415
	Tangible fixed assets	1,416	1,312	1,321	1,207	1,084
	Total investments	27	26	26	26	26
	Total assets	3,012	2,960	3,000	3,187	3,403
	Short-term debt	172	80	80	80	80
	Total long-term debt	79	12	12	12	12
	Total liabilities	652	494	436	452	464
	Total equity	2,360	2,466	2,564	2,735	2,939
	Total liabilities & equity	3,012	2,960	3,000	3,187	3,403
	Key metrics	Jun-23	Jun-24	Jun-25F	Jun-26F	Jun-27F
	Revenue growth (%)	(15.4)	2.5	1.1	10.2	5.1
	Recurrent EPS growth (%)	(64.3)	45.7	(9.4)	47.3	11.9
	Gross margin (%)	11.3	15.9	14.9	18.2	19.3
	Operating EBITDA margin (%)	21.0	25.3	24.7	27.9	28.7
	Net profit margin (%)	3.0	11.5	7.8	10.4	11.1
	Dividend payout ratio (%)	119.8	36.5	59.9	48.4	44.0
	Capex/sales (%)	12.3	10.8	16.5	10.7	10.2
	Interest cover (x)	9.74	26.47	24.77	39.01	44.91

Sumber: Data syarikat, RHB

Carta Saranan



Sumber: RHB, Bloomberg

Date	Recommendation	Target Price	Price
2025-02-20	Buy	33.2	21.4
2024-10-09	Buy	38.5	26.4
2024-08-28	Buy	44.8	30.7
2024-05-21	Buy	44.8	39.0
2024-05-17	Buy	37.7	36.6
2024-04-01	Buy	35.9	31.9
2024-02-22	Buy	30.0	28.8
2023-11-16	Neutral	28.8	27.0
2023-08-29	Neutral	28.8	27.7
2023-08-02	Neutral	29.5	28.7
2023-05-19	Neutral	25.7	25.7
2023-02-17	Neutral	30.5	31.0
2022-11-25	Buy	31.7	27.4
2022-11-24	Buy	33.6	27.8
2022-10-12	Buy	36.2	25.9

Sumber: RHB, Bloomberg

24 April 2025

Teknologi | Semikonduktor

Unisem (M) (UNI MK)**Beli (Kekal)****Kemunculan Nilai; Kekal BELI**

Harga Sasar (Pulangan): MYR3.04 (+59%)
 Harga (Modal Pasaran): MYR1.91 (USD702j)
 Markah ESG : 3.1 (daripada 4)
 Pusing Ganti Harian Purata (MYR/USD) 2.38j/0.53j


- **Saranan BELI dikekalkan, dengan harga sasar (TP) baharu mencecah MYR3.04** daripada MYR3.35, potensi kenaikan harga saham 59% dan kadar hasil dividen kira-kira 4% untuk FY25F. Kami percaya saham ini dijual secara berlebihan walaupun ketidakpastian berlaku dalam jangka pendek. Dengan lonjakan tempahan cemas mungkin dibuat dalam jangka pendek dan pemindahan kegiatan pembuatan yang rancak, kami meramalkan Unisem (M) akan terus bertahan menghadapi perang perdagangan sekarang berikutan kelompok pelanggan pelbagai, penawaran hebat, dan pengetahuan tentang proses ketika persaingan tinggi. Nilai semasanya yang berada bawah paras purata menawarkan peluang pelaburan yang baik.
- **Kelegaan sementara tetapi ketidakpastian masih ada.** Penangguhan sementara pelaksanaan tarif terhadap pelbagai barangan semikonduktor dan elektronik memberi kelegaan untuk sektor ini bagi mengelakkan kejutan dari segi permintaan dalam jangka terdekat. Namun begitu, tarif berasingan yang dikenakan pada cip mungkin akan dilaksanakan supaya AS dapat mengurangkan kebergantungannya pada China. Penarikan dasar atau pengenalan tarif baharu dari kedua-dua AS dan China mungkin mengundang semula ketidakpastian dalam sektor ini.
- **Faktor-faktor positif.** Ekosistem Malaysia yang sudah kukuh, dengan prasarana maju, buruh mahir, kos rendah dan dasar-dasar yang menyokong pelaburan, menjadikannya penerima manfaat besar daripada usaha giat memindahkan kegiatan pembuatan ke ASEAN dan strategi China Plus One dalam jangka lebih panjang. Kami lega dengan rantai bekalan syarikat-syarikat multinasional AS yang kukuh bertapak di Malaysia. Beberapa antaranya akan terus menerima pengecualian tertentu dan nasibnya mungkin lebih baik berbanding rantai bekalan di negara pesaing yang dikenakan tarif timbal balik asal yang jauh lebih tinggi.
- **Capex dan bilangan tenaga kerja.** Perbelanjaan capex UNI memaparkan trend menggalakkan apabila ia mencecah nilai MYR653j dalam tempoh dua tahun lalu untuk tujuan pengembangan kapasitinya dan pembinaan loji di Gopeng. Bilangan tenaga kerjanya turut meningkat dalam lima suku tahun lalu, daripada 5.67 ribu kepada 6.57 ribu. Tekad syarikat ini untuk terus melabur dalam teknologi dan menambah baik kecekapan pengeluaran mengukuhkan keyakinan pihak pengurusan mengenai pertumbuhan perniagaan pada masa hadapan.
- **Langkah pencegahan melalui potongan.** Pendedahan UNI pada AS adalah 67% berdasarkan penyata FY24-nya tetapi kami difahamkan kebanyakan litar bersepadunya tidak dieksport terus ke AS. Maka, produk-produk ini mungkin tidak dikenakan tarif langsung, jika ada. Impaknya mungkin dilihat dalam gangguan permintaan (harga barangan lebih mahal, sentimen lebih buruk) sekiranya perang dagang berlarutan. Dengan ketidakpastian timbul daripada perang perdagangan yang sedang berlaku, kami membuat potongan 12% dan 17% pada perolehan FY25-26F sebagai langkah pencegahan, ekoran andaian pertumbuhan pendapatan kasar lebih rendah selepas mengambil kira permintaan yang berpotensi memperlahan.
- **Munculnya nilai.** Walaupun ramalan kami dipotong, kami menjangkakan potensi kenaikan besar untuk TP kami. Oleh itu, pelabur patut tidak hirau akan kekangan jangka pendek dan mengambil kedudukan dalam sektor bagi menghadapi pemulihan kitaran ekonomi, dan memilih syarikat kukuh yang dijangka akan memanfaatkan fasa menaik tersebut. TP MYR3.04 baharu kami menandakan P/E 30x untuk FY25F (+1.5SD daripada purata 5 tahunnya), dengan kemasukan premium ESG 2%.
- **Risiko negatif:** Kebimbangan tarif menyebabkan permintaan memperlahan, pesanan lebih lemah daripada ramalan, keusangan teknologi, dan pergerakan FX merugikan.

Penganalisis

Lee Meng Horng
 +603 2302 8115
lee.meng.horng@rhbgroup.com

**Prestasi Saham (%)**

	YTD	1b	3b	6b	12b
Mutlak	(36.8)	(4.0)	(33.2)	(39.2)	(45.9)
Relatif	(27.3)	(2.7)	(27.4)	(29.7)	(41.1)
Harga rendah/tinggi (MYR) 52 minggu				1.84	4.37



Sumber: Bloomberg

*Nota: Laporan terjemahan Bahasa Malaysia ini merupakan versi ringkas bagi laporan asal dalam bahasa Inggeris dan diguna pakai untuk menyampaikan maklumat sahaja. Penerima dinasihatkan untuk merujuk laporan asal dalam bahasa Inggeris untuk butiran lanjut, dan untuk penafian penyelidikan dan pendedahan rasmi. Walaupun laporan terjemahan Bahasa Malaysia disediakan, laporan asal dalam bahasa Inggeris hendaklah diberi keutamaan sekiranya berlaku sebarang persoalan tentang pentafsiran, percanggahan ataupun dalam hal yang lain.

Pautan kepada laporan bahasa Inggeris:

[Unisem \(M\) : Value Emerging: Keep BUY \(24 Apr 2025\)](#)

Markah ESG Keseluruhan: 3.1 (daripada 4)

Markah E: 3.0 (BAIK)

Markah S: 3.0 (BAIK)

Markah G: 3.3 (CERMELANG)

Sila rujuk analisis ESG pada halaman berikutnya

Forecasts and Valuation	Dec-23	Dec-24	Dec-25F	Dec-26F	Dec-27F
Total turnover (MYRm)	1,440	1,581	1,673	1,826	1,969
Recurring net profit (MYRm)	80	54	122	198	254
Recurring net profit growth (%)	(67.5)	(33.0)	126.9	61.6	28.3
Recurring P/E (x)	38.29	57.15	25.19	15.58	12.15
P/B (x)	1.3	1.4	1.4	1.3	1.3
P/CF (x)	8.47	10.93	10.10	7.68	6.42
Dividend Yield (%)	4.2	4.2	4.0	4.8	5.8
EV/EBITDA (x)	9.32	9.88	7.97	6.05	4.89
Return on average equity (%)	2.7	2.7	5.4	8.7	10.9
Net debt to equity (%)	net cash	net cash	net cash	net cash	net cash

Sumber: Data syarikat, RHB

Pelepasan Gas Rumah Hijau Dan ESG

Analisis trend	Emissions (tCO2e)	Dec-22	Dec-23	Dec-24	Dec-25
Pelepasan GRH keseluruhan meningkat 7% pada tahun 2024 dari tahun sebelumnya disebabkan oleh penggunaan dan kegiatan pengeluaran lebih tinggi. Namun begitu, keamatan pelepasan GRH merekodkan peningkatan kecil apabila pengeluaran semasa tahun tersebut melibatkan lebih banyak produk yang memerlukan kaedah penghasilan lebih canggih dan tenaga elektrik lebih tinggi	Scope 1	2	2	-	-
	Scope 2	145	117	-	-
	Scope 3	-	0	-	-
	Total emissions	147	119	na	na
	Sumber: Data syarikat, RHB				

Perkembangan Terkini Mengenai ESG

Unisem dimasukkan semula dalam indeks FTSE4Good Bursa Malaysia pada Jun 2021, sekali gus menempatkannya dalam kalangan syarikat yang mempelopori pelaksanaan amalan ESG dan yang mematuhi amalan pendedahan terbaik.

Hala Tuju Alam Sekitar baharunya akan melakar tujuan dan inisiatif alam sekitar untuk beberapa tahun seterusnya sehingga 2025, termasuklah menetapkan sasaran lebih tinggi untuk mengurangkan keamatan tenaga, keamatan GRH, dan keamatan penggunaan air. Ia juga menyasar untuk mendapatkan Pensijilan Bangunan Hijau bagi kilang-kilang baharunya; dan menaikkan sasaran untuk kadar kitar semula sisa yang tidak berbahaya.

Kumpulan ini sedang mencari pilihan-pilihan untuk mengurangkan kebergantungan pada kuasa berasaskan fosil dan juga sedang menerokai bidang yang boleh memanfaatkan penjanaan tenaga suria di kilang operasinya.

Perincian Penilaian ESG

Markah ESG Keseluruhan: 3.1 (daripada 4)

Terakhir dikemas kini: 30 Jul 2024

Markah E: 3.0 (BAIK)

Kumpulan ini mengawasi dan mengurus pengeluaran gas rumah hijaunya. Pelbagai inisiatif pengurangan penggunaan tenaga dijalankan di kilangkilangnya. Dari segi pengurusan sisa buangan, Unisem menyasarkan kadar kitar semula 50% daripada jumlah sisa buangan berjadual yang dihasilkan. Semua kilangnya menepati undang-undang alam sekitar tempatan berkenaan pengendalian dan amalan e-sisa.


Markah S: 3.0 (BAIK)

Ia melaksanakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sesuai untuk kakitangannya. Latihan kesihatan dan keselamatan disediakan untuk meningkatkan kesedaran kakitangan tentang keselamatan mereka.

Markah G: 3.3 (CEMERLANG)

Unisem menggunakan dan menerapkan kebanyakan amalan terbaik yang ditetapkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Walau bagaimanapun, kami menekankan bahawa jawatan CEO dan Pengerusi disandang oleh individu yang sama. Ahli lembaga pengarah bebas kurang separuh daripada lembaga pengarah manakala 33% daripada ahli lembaga ialah pengarah wanita. Bayangan dan pendedahan yang diberi oleh pihak pengurusan adalah baik dan memberi manfaat kepada komuniti pelaburan.

Penarafan ESG




Sumber: RHB

Jadual Kewangan

Asia	Financial summary (MYR)	Dec-23	Dec-24	Dec-25F	Dec-26F	Dec-27F
Malaysia	Recurring EPS	0.05	0.03	0.08	0.12	0.16
Teknologi	DPS	0.08	0.08	0.08	0.09	0.11
Unisem (M)	BVPS	1.48	1.39	1.39	1.42	1.47
UNI MK	Return on average equity (%)	2.7	2.7	5.4	8.7	10.9
Beli						
Asas penilaian	Valuation metrics	Dec-23	Dec-24	Dec-25F	Dec-26F	Dec-27F
P/E 30x FY25F	Recurring P/E (x)	38.29	57.15	25.19	15.58	12.15
	P/B (x)	1.3	1.4	1.4	1.3	1.3
	FCF Yield (%)	0.4	(0.5)	3.4	8.2	10.7
	Dividend Yield (%)	4.2	4.2	4.0	4.8	5.8
	EV/EBITDA (x)	9.32	9.88	7.97	6.05	4.89
	EV/EBIT (x)	30.78	35.36	20.07	12.19	9.08
Faktor pemacu utama	Income statement (MYRm)	Dec-23	Dec-24	Dec-25F	Dec-26F	Dec-27F
i. Meraih kontrak baharu;	Total turnover	1,440	1,581	1,673	1,826	1,969
ii. Jumlah pesanan lebih banyak;	Gross profit	696	746	827	942	1,026
iii. Mata wang MYR lebih lemah berbanding USD.	EBITDA	304	303	377	480	563
	Depreciation and amortisation	(212)	(218)	(228)	(241)	(260)
